

~~243~~  
~~11/79~~

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN OMN, TIMBALAN  
PERDANA MENTERI DALAM UPACARA SAMBUTAN  
YANG KESEFULUH SYARIKAT BINAAN NASIONAL  
SENDIRIAN BERNAD DI HOTEL FEDERAL PADA  
HARI JUMAAT, 9ND NOVEMBER, 1973 JAM  
8.00 MALAM.

Note: Dibacakan oleh KSU  
MTI.

Pengerusi dan Pengarah Urusan  
Syarikat Nasional Construction Bhd.,

YB Datuk Haji Harun Idris  
Menteri Besar Selangor,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Sambutan Ulang Tahun Kesepuluh bagi Syarikat Nasional Construction Berhad tentulah merupakan satu detik sejarah yang sangat besar artinya dalam perkembangan syarikat ini. Ianya menentukan satu perkembangan dalam kemajuan usaha syarikat ini bagi menenahi tujuannya iaitu menjadi sebuah syarikat binaan yang dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan ekonomi negara. Mengambil kesempatan sambutan ulang tahun ini, saya mengucapkan setinggi tahniat kepada Lembaga Pengarah syarikat ini

baik yang berkhidmat sekarang maupun yang telah lepas di atas kebijaksanaan mereka pada merancang dan menjalankan usaha syarikat ini sehingga mendapat kejayaan sekarang.

2. Saya percaya dengan kejayaan yang telah dicapai, terutamanya sekali apabila melihat yang syarikat ini telah dapat menjalankan 38 jenis kontrak yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 50 juta ringgit tentulah merupakan satu usaha yang tidak kecil. Dan saya mendapat tahu juga bahawa 10 buah kontrak lagi sedang dalam pelaksanaan ataupun dimulakan.

3. Syarikat ini, mengikut riwayat yang telah dinyatakan kepada saya, adalah kumpulan

daripada bumiputra tempatan dan kumpulan syarikat binaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Australia. Sangatlah wajar bagi saya untuk menyatakan penghargaan tentang bagaimana syarikat ini telah ditaja dengan niat yang baik dan sejajar dengan aspirasi nasional dan telah mencapai ke peringkat kemajuan yang boleh dibanggakan itu. Saya tahu bahawa di sebalik kemajuan ini, banyak pula masalah-masalah yang telah dihadapi dan berdasarkan pengalaman 10 tahun yang lepas, tentulah syarikat ini dapat menentukan haluannya dan menyesuaikan kemajuan dengan perkembangan di masa depan.

4. Perusahaan binaan merupakan satu lapangan perusahaan yang sangat 'competitive'

di mana beratus-ratus buah syarikat binaan yang lain berkacimpung dan berusaha mendapatkan kontrak-kontrak yang dikeluarkan. Saya sangat sukacita kerana syarikat ini bukan saja dapat mengambil kontrak-kontrak dari gulungan awam iaitu projek-projek Kerajaan, tetapi juga daripada projek yang dijalankan oleh pihak swasta. Ternyata bahawa Lembaga Pengarah syarikat ini telah dapat menguasai perjalanan dan kemajuan yang boleh menandingi syarikat-syarikat lain yang telah maju. Namun demikian, berdasarkan kepada perkembangan ekonomi negara yang berjalan dengan lancar dan berdasarkan kegiatan-kegiatan di masa lepas, saya yakin MCC akan dapat menggerakkan seluruh jenteranya bagi menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.

5. Satu aspek yang sangat saya banggakan dalam perkembangan syarikat ini ialah aktivitiya pada melatih gulungan bumiputra dalam lapangan perusahaan binaan. Mengikut angka yang diberikan bilangan pekerja-pekerja bumiputra dalam syarikat ini ialah purata kira-kira 70 peratus dan ia telah dapat memberikan 18 ribu man-month pekerjaan pada gulungan bumiputra dalam lapangan binaan.

6. Untuk tujuan melatih gulungan bumi-putra ini, syarikat telah membelanjakan tidak kurang daripada suku juta ringgit, bagi memberikan latihan sambil bekerja kepada gulungan bumiputra iaitu satu jumlah yang tidak kecil memandangkan kepada perkembangan syarikat ini yang harus

berjalan di atas dasar perniagaan. Namun demikian, dengan hasrat hendak menceraikan dasar Kerajaan menggalakkan bimbingan bumiputra dalam lapangan binaan, syarikat ini telah sanggup berbuat demikian sebagai satu usaha yang membina lagi berkesan. Saya berharap banyak lagi syarikat binaan di negara ini yang akan berusaha mencontohi Syarikat Nasional Construction dalam lapangan latihan yang seperti ini supaya di tahun-tahun akan datang, kita akan dapat mempunyai ramai bilangan bumiputra yang mempunyai kemahiran dan kesanggupan dalam lapangan binaan seperti bangsa Malaysia yang lain.

7. Saya tahu bahwa adalah menjadi tujuan mana-mana syarikat perniagaan untuk mendapat keuntungan yang sebanyak-banyaknya, tetapi dalam perkecambahan kita di Malaysia, dari segi keadaan politik dan sosial dan berdasarkan kepada tujuan Kerajaan menyusun semula masyarakat dan memberikan pembahagian kemakmuran secara adil, maka saya sukalah menyeru gulungan-gulungan perusahaan terutama sekali dalam lapangan pembinaan ini supaya menjadikan dasar mengimbangi dan melatih gulungan bumiputra sebagai dasar syarikatnya.

8. Saya tahu juga bahwa ini bukanlah satu perkara yang praktikal dikaji dari segi perniagaan, tetapi tujuan membantu Kerajaan dan di samping itu melatih gulungan-gulungan

yang tidak dapat peluang sepenuhnya patutlah dijadikan analan kepada setiap perusahaan di negara kita ini.

9. Menyentuh dasar Kerajaan dalam memberikan kontrek-kontrek kepada pemborong-pemborong bumi-putra, saya sangatlah gembira bahawa dasar ini secara beransur-beransur telah dan sedang dijelaskan oleh Kementerian Kerja Raya dan Tenaga dengan cara yang giat dan berkesan sekali. Pada umumnya, dasar menguntukkan 30 peratus daripada kontrek kepada pemborong-pemborong bumiputra telahpun dilaksanakan. Dana amatlah membanggakan sekali bahawa di negeri-negeri Pantai Timur umumnya, di mana bilangan pemborong bumiputra jauh lebih banyak daripada pemborong-pemborong bukan bumiputra, maka dasar memberikan kontrek

kepada syarikat bumiputra itu telah dapat melebihi peratusan yang telah ditentukan itu. Dan saya percaya keadaan seperti ini akan dapat digalakkan, bahkan di masa yang akan datang berdasarkan kepada kecekapan dan kemahiran, hal ini akan dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Satu aspek yang sangat mengganggu syarikat-syarikat binaan dan juga Kerajaan telah mengenaikan kenaikan harga barang-barang binaan yang berjalan sekarang. Kenaikan harga barang ini, pada umumnya, adalah satu trend yang berjalan di seluruh dunia.

Kerajaan sangatlah memberikan perhatian yang berat terhadap keadaan ini oleh sebab ia melibatkan beberapa hal terutama sekali melibatkan rancangan Kerajaan sendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan berusaha untuk menyekat kenaikan harga barang ini dengan cara yang tegas dan di samping itu, menjalankan usaha supaya kekurangan bahan-bahan dan alat-alatan binaan dapat di atasi.

11. Dalam lawatan ke Negeri Jepun baru-baru ini, saya telah menemui beberapa para pengusaha Jepun dan telahpun mengajukan soal mendapatkan alat-alat binaan seperti besi dan sebagainya.

Demikian jugalah saya telah mengemukakan hal ini kepada pemimpin Kerajaan agar satu usaha yang berkenaan dapat dijalankan bagi memenuhi kehendak-kehendak kita. Di samping itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjalankan beberapa langkah mengatasi keadaan ini dengan harapan supaya barang-barang pembinaan dapat dibekalkan dengan apa cara jua pada pemborong-pemborong dan di samping itu dapat pula mengurangkan harga supaya inflasi yang melibatkan kemasukan dan kenaikan barang-barang ini dapat dicegah dengan seberapa boleh. Tindakan yang dijalankan melibatkan beberapa aspek dan saya penuh berharap dengan kerjasama semua pihak, kita akan dapat mencapai tujuan ini sekalipun tidak dapat memenuhi tujuan kita

sepenuhnya.

12. Dalam pada itu, mengikut kajian yang telah dibuat, kenaikan kos projek-projek binaan dan perumahan adalah jauh lebih tinggi dari kenaikan harga bahan-bahan binaan yang digunakan dalam projek-projek tersebut. Faktor-faktor lain seperti kenaikan harga tanah dan gupat tenaga (labour cost) adalah juga merupakan sebahagian besar dari kos sesuatu projek binaan yang dikendalikan itu. Oleh sebab wujudnya keadaan yang sedemikian, maka apa yang diusahakan oleh Kerajaan pada masa ini untuk mengatasi kenaikan harga bahan-bahan binaan bagi mengurangkan kos sesuatu projek binaan akan tidak memberi kesan dengan sepenuhnya

oleh sebab sebilangan besar dari kos-kos projek yang dikendalikan itu adalah terdiri dari faktor-faktor lain seperti kos tanah dan guna-tenaga yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, beberapa langkah terpaksa diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kenaikan kos projek-projek binaan kepada paras yang berpatutan.

13. Oleh sebab harga adalah bergantung kepada bekalan selain dari permintaan, kajian adalah dibuat ke atas keadaan bekalan bahan-bahan binaan dari masa ke semasa. Sekiranya terdapat kekurangan bekalan sesuatu bahan binaan di pasaran tempatan, Kerajaan akan memberi pengecualian cukai import ke atas bahan-bahan itu untuk membolehkan pengguna-pengguna

membawa masuk bahan-bahan tersebut dari luar negeri tanpa cukai impot bagi menampung kekurangan yang terdapat di pasaran tempatan. Misalnya, Kerajaan baru-baru ini telah menarik balik cukai impot ke atas pengimpotan batang-batang besi bagi semua ukuran untuk membolehkan pengimpot-pengimpot mengimpot batang-batang besi tersebut tanpa cukai impot untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di pasaran tempatan pada masa ini. Untuk tujuan yang sama, Kerajaan juga telah memberi pengecualian cukai impot ke atas pengimpotan "unglazed mosaic tiles" sebanyak tiga juta kaki persegi dan ke atas pengimpotan "glazed wall tiles" sebanyak 1,200 tan.

14. Satu langkah lagi yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bekalan yang cukup ialah dengan mengenakan larangan eksepot ke atas pengeksepotan beberapa bahan-bahan binaan yang penting dan ini telah dilakukan ke atas bahan-bahan binaan seperti batang-batang besi, simin dan batu-bata.

15. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah perbuatan-perbuatan spekulasi serta juga memperbaiki sistem pengedaran dengan mengujudkan persaingan di semua peringkat dengan mengadakan saluran-saluran pembahagi yang baru menerusi PERMAS, PKEN dan syarikat-syarikat Bumiputra. Ini telah dilakukan ke atas pembahagian batang-batang besi dan simin tempatan.

16. Pihak swasta adalah digesa supaya memainkan peranan mereka untuk mengatasi kenaikan harga bahan-bahan binaan dengan memberi maklumat-maklumat mengenai perbuatan kurang sihat seperti perbuatan menyorok bahan-bahan tersebut oleh setengah-setengah gulungan peniaga dan perbuatan menaikkan harga yang berlebihan dari apa yang berpatutan. Maklumat-maklumat yang sedemikian mungkin dapat dikemukakan oleh sesuatu anggota seperti Persatuan Pembina-Pembina Master dan pengusaha-pengusaha perumahan di negara ini. Pengeluar-pengeluar bahan binaan juga mungkin dapat menolong Kerajaan dalam perkara ini dengan memberitahu Kerajaan akan berlakunya kejadian tersebut.

17. Akhirnya, sebagai penutupnya saya mengambil kesempatan ini merayu kepada semua pihak supaya bekerjasama dengan pihak Kerajaan mengujud kesetabilan harga bahan-bahan binaan di negara ini. Saya juga berdoa supaya Syarikat Pembina Kebangsaan Bhd. pada masa-masa yang akan datang dapat berjalan dengan sempurna dan semoga ianya berjaya.

Terimakasih.



No. Sini .....
No. Pendaftaran .....

Faint, illegible text, possibly bleed-through from the reverse side of the page.



No. Siri .....	568
No. Penerimaan .....	79 / 79